

Perdana Menteri tinjau projek di Langkawi

BH 2/9/03
LANGKAWI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam meneruskan lawatan meninjau projek pembangunan di pulau ini termasuk menyusuri kawasan hutan paya bakau di Sungai Kilim.

Perdana Menteri menaiki bot menyusuri hutan paya bakau menyaksikan ratusan helang makan sebelum singgah di pelantar ternakan ikan dalam sangkar yang dimiliki tokoh korporat Tan Sri Halim Mohamad.

Terdahulu, Dr Mahathir yang ditemani isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali meninjau kemajuan pembinaan dua blok tambahan Galeria Perdana di Kilim.

Mereka meluangkan masa kira-kira setengah jam meninjau projek bernilai RM24 juta yang menempatkan cenderahati yang dihadiahkan pemimpin dari seluruh dunia kepada Perdana Menteri.

Projek bermula Februari lalu menggunakan 124 tenaga kerja, termasuk 22 pekerja yang didatangkan khas dari Uzbekistan itu sudah 98.5 peratus dan dijangka siap sepenuhnya 14 September ini.

Ia menempatkan surau, kedai menjual cenderahati, kafeteria, kemudahan makmal dan auditorium 150 tempat duduk.

Turut mengiringi ialah Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada), Datuk Anwar Abdul Rahman.

Dr Mahathir juga singgah di Kampung Beras Terbakar, di Padang Matsirat, tempat tumpuan pelancong yang menyimpan mitos Mahsuri, iaitu gadis jelita yang dikaitkan dengan legenda pulau ini.

Beliau sekali lagi meninjau projek pembangunan Harbour Park Valley dan Marina di Pantai Kok, projek usaha sama Benua Perdana Sdn Bhd dan Lada walaupun berbuat demikian petang kelmarin.